

HELAIAN PENDEDAHAN PROGRAM

<p>Anda diingatkan untuk membaca helaian pendedahan program ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pembelian Akaun Belum Terima. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat muktamad di dalam Surat Tawaran (“LO”) dan Perjanjian Kemudahan. Anda dengan ini diingatkan supaya sentiasa mencari dan mendapatkan nasihat undang-undang bebas anda sendiri. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil sah AmBank (M) Berhad (“Bank”) sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan di sini.</p>	<p>AmBank (M) Berhad</p> <p>Pembelian Akaun Belum Terima</p> <p>Tarikh: 30 November 2023</p>
<p>1. Apakah yang perlu saya ketahui tentang program ini?</p> <p>Pembelian Belum Terima (“RP”) ialah program pembiayaan berstruktur di bawah Pembiayaan Rantaian Bekalan Perdagangan oleh Bank yang membolehkan Penjual memperoleh bayaran pendahuluan selepas pengiriman bagi pembekalan barangan atau perkhidmatan atas terma kredit kepada Pembeli yang diluluskan.</p> <p>Penyelesaian ini akan membantu Penjual memperbaiki aliran tunai dan kedudukan kunci kira-kiranya. Ia juga juga memberikan peluang untuk memindahkan risiko mungkir Pembeli yang disebabkan oleh ketidakmampuan bayar kepada Bank.</p>	
<p>2. Apakah yang boleh saya peroleh daripada program ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tertakluk kepada terma kemudahan RP menurut LO yang dikeluarkan oleh Bank kepada anda, anda akan menerima pembiayaan RP yang: - <ol style="list-style-type: none"> a. tertakluk kepada had kemudahan RP; b. bertujuan untuk membeli akaun belum terima yang diluluskan oleh Bank; c. didenominasi dalam Ringgit Malaysia (“RM”) atau mata wang asing (“FCY”) yang diterima oleh Bank; d. sehingga 100% daripada nilai akaun belum terima tertakluk kepada pengeluaran minimum sebanyak RM20,000 atau FCY yang setara; e. pada Caj Bayaran Awal (“IPC”) yang berdasarkan Kadar Pinjaman Asas (“BLR”) atau Kos Dana (“COF”) yang dikira atas baki harian; f. untuk baki tempoh kredit, tertakluk pada tempoh pembiayaan minimum selama 7 hari; dan g. sama ada dengan rekursa atau rekursa terhad kepada anda; • Pembiayaan RP tolak IPC (layanan lalai) akan dikreditkan kepada anda atas pembelian akaun belum terima oleh Bank. • RP akan menggunakan produk sedia ada Bank, iaitu Pembiayaan Invois. 	
<p>3. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memohon kemudahan RP dan pastikan kemudahan adalah tersedia dan cukup untuk pengeluaran pinjaman. • Menyerahkan Notis Penyerahan Hak (“NOA”) dalam format yang boleh diterima oleh Bank kepada Pembeli dan dapatkan bukti penerimaan Pembeli atas NOA. • Memastikan bahawa dokumen sokongan untuk permohonan RP yang dikemukakan kepada Bank adalah benar, berkaitan dengan jenis perniagaan anda dan barangan telah diterima oleh Pembeli anda. • RP seharusnya dijelaskan daripada hasil kutipan yang diterima daripada Pembeli. • Membeli semula akaun belum terima yang dipertikai/tertunggak dalam masa 7 hari dari tarikh notis pembelian semula disampaikan oleh Bank. • Memastikan dana akaun anda mencukupi dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebitkan akaun anda di Bank untuk sebarang caj, komisen, yuran dan/atau belanja tunai langsung Bank berhubung dengan pembiayaan RP, termasuklah pembayaran harga pembelian semula RP sekiranya terdapat akaun belum terima dipertikaikan/tertunggak. 	

- Memastikan kontrak jualan membenarkan penyerahan hak dan tiada kaedah pembiayaan lain telah diperolehi atau akaun belum terima belum diperuntukkan.
- Memastikan Pembeli dan dokumen sokongan adalah asli dan terdapat pemindahan barangan atau perkhidmatan.

4. Apakah harga yuran dan caj yang dikenakan?

No.	Jenis Yuran dan Caj	Tarif
1	Yuran pengendalian – Penciptaan	0.1% daripada amaun bil Minimum: RM50; Maksimum: RM100
2	Komisen (untuk perkhidmatan)	0.3% daripada amaun bil Minimum: RM100; Maksimum: RM500
3	Nilai transaksi kurang daripada RM100,000	RM100 sahaja
4	Berbilang bayaran (3 bayaran ke atas)	RM50 sahaja
5	Caj lampau tempoh	RM50 sahaja
6	Bayaran pemindahan (IBG/RENTAS)	RM2 sahaja
7	Duti Setem	Mengikut Akta Duti Setem 1949 (Dipinda pada tahun 1989)

Yuran atau caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk mana-mana cukai kerajaan yang mungkin dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada masa sekarang mahupun pada masa akan datang. Sekiranya kerajaan mengenakan apa-apa cukai ke atas yuran atau caj disebabkan oleh pindaan undang-undang atau apa-apa faktor yang lain, Bank berhak mengubah atau menyemak semula jumlah wang yang perlu dibayar.

5. Bagaimanakah jika saya gagal melaksanakan kewajipan saya?

- Jika anda tidak membeli semula akaun belum terima yang dipertikaikan/tertunggak dalam tempoh pemulihan, Bank akan mengenakan caj Yuran Tertunggak menurut kadar yang dinyatakan dalam LO mulai dari tarikh matang sehingga tarikh pembayaran penuh pembelian semula.
- Sekiranya akaun RP anda masih tertunggak selepas 3 bulan, status kemudahan-kemudahan kredit anda di Bank akan dikategorikan sebagai pinjaman tak berbayar.
- Bank akan menggantung penggunaan apa-apa kemudahan kredit yang diberikan kepada anda.
- Bank boleh menggunakan haknya dan memulakan proses pemungutan/tindakan undang-undang yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, prosiding kemuflihan/penggulungan (jika jumlah tertunggak mencapai had tertentu). Aset anda mungkin dibekukan dan disita sekiranya diisytiharkan muflihs/dikenakan penggulungan.
- Tindakan undang-undang ke atas anda juga mungkin menjejaskan taraf kredit anda yang menyebabkan pinjaman kredit anda lebih sukar atau mahal.
- Hak tolak selesai: Bank berhak untuk menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda di Bank untuk melunaskan jumlah tunggakan mana-mana kemudahan di Bank. Walau bagaimanapun, jumlah tolak selesai akan diberitahu kepada anda sebelum dilaksanakan.

6. Bagaimanakah jika saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

- IPC akan dikira sehingga tarikh pembayaran penuh.

7. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans?

- Tidak berkenaan.

8. Apakah risiko utama?

- Pembeli anda tidak membuat bayaran.
- Menanggung IPC yang lebih tinggi akibat kelewatan pembayaran oleh Pembeli.
- Naik turun dalam kadar pertukaran asing sekiranya akaun belum terima adalah dalam FCY.

9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Penjamin harus disediakan sekiranya perlu.
- Cagaran harus disediakan sekiranya perlu dan mesti dapat diterima oleh Bank.

Nota: Syarat di atas adalah bergantung pada kebolehpercayaan kredit anda.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya sekiranya terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan maklumat hubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh menghubungi/memberi makluman secara bertulis kepada Pengurus Perhubungan masing-masing.

11. Di manakah tempat untuk mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami melalui:

AmBank Contact Centre
No. Kotak Pejabat Pos 12617, 50784 Kuala Lumpur,
Tel.: (603) 2178 8888

E-mel: customercare@ambankgroup.com

- Sekiranya anda tidak berpuas hati terhadap penyelesaian ke atas pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK melalui:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50450 Kuala Lumpur.
Tel.: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK melalui:

Level 5 & 6,
Menara Aras Raya
(Formerly known as Menara Bumiputra Commerce)
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
No. Tel.: 03-2616 7766
E-mel: enquiry@akpk.org.my

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk butiran tentang manfaat, yuran dan caj produk, anda boleh melayari www.ambankgroup.com.

13. Lain-lain produk perdagangan yang tersedia: -

- Jaminan Bank
- Jaminan Bank Menerusi Kaunter
- Penerimaan Jurubank
- Pembelian Bil Keluar Langsung
- Kutipan/Pembelian/Rundingan Berdokumen
- Pembiayaan Semula Kredit Eksport
- Pembiayaan Invois
- Pinjaman Perdagangan Mata Wang Asing
- Pendahuluan Kredit Pembungkusan
- Resit Amanah Ringgit
- Jaminan Perkapalan
- Surat Kredit Tunggu Sedia

PENTING! CAGARAN ANDA MUNGKIN DICAIRKAN SEKIRANYA JADUAL PEMBAYARAN TIDAK DIPATUHI

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah dari 30 Nov 2023 sehingga kemas kini yang seterusnya. Sila layari www.ambankgroup.com untuk mendapatkan maklumat terkini.

Semua kiraan dan kadar di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Penafian: Kemudahan sebenar yang akan disediakan oleh Bank adalah bergantung pada penilaian kredit anda yang dilakukan oleh Bank. Penghantaran helaian pendedahan program ini kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh Bank untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

Saya/Kami mengakui bahawa terma kontrak utama dan kewajipan kewangan saya/kami di bawah produk kewangan ini telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil sah daripada AmBank (M) Berhad.

.....

Nama:
Nombor KP:
Tarikh:

Atau

Untuk dan bagi pihak
No. Pendaftaran:

.....

(Penandatanganan dibenarkan/Pengarah)
Tarikh: